

# RM30,000 menanti johan Liga Bola Sepak IPT 2010

Oleh Nur Ekmal Buhary dan  
Mohd Khazani Ibrahim  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

**S**EJUMLAH 16 pasukan akan berentap pada pusingan akhir Liga Bola sepak IPT 2010 bagi merebut wang tunai RM30,000 dan Piala Menteri Pengajian Tinggi, mulai 17 Julai ini.

Selepas cabutan undi di Wisma FAM, Kelana Jaya, minggu lalu, pasukan Kolej Komuniti Bandar Darul Aman (KKBD), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Komuniti Gerik (KKG) dan Universiti Malaya (UM) berada dalam kumpulan A akan beraksi di Stadium UiTM, Shah Alam, dilihat memberikan kelebihan kepada pasukan tuan rumah.

Pasukan kumpulan B, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



DUA pasukan terbaik muncul johan dan naib johan pada edisi sulung Liga Bola sepak IPT 2010 akan menyertai Liga FAM musim depan. -Gambar hiasan

(UTHM), Universiti Industri Selangor (Unisel) dan Politeknik Kota Bharu (PKB) pula berentap di Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Pasukan kumpulan C pula, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Politeknik Kuching (PK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UiTM Sarawak bakal beraksi

di Stadium Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Kajang. Manakala kumpulan D pula dipilih beraksi di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

**“**Perlawan pertama yang dijadualkan berlangsung pada 17 Julai itu akan bermula jam 8.15 pagi di semua stadium terpilih.

Kolej Yayasan Sabah (KYS), Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB), UKM dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) bakal memperkenalkan aksi masing-masing dengan UKM sekali lagi dilihat mempunyai kelebihan apabila dipilih bertarung di hadapan penonton sendiri.

Perlawan pertama yang dijadualkan berlangsung pada 17 Julai itu akan bermula jam 8.15 pagi di semua stadium terpilih.

KKBD akan berentap dengan UiTM, UTM pula menentang UTHM, UniSZA bertemu PK dan KYS akan memulakan cabaran kumpulan D berdepan KKKB untuk perlawan sebelah pagi.

Perlawan yang dijadualkan bermula jam 4.15 petang pula bakal menyaksikan pertembungan antara UM dan KKG, PKB menentang Unisel, UiTM Sarawak bertembung UMS dan MMU mewakili pasukan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melawan UKM.

Dua pasukan terbaik yang muncul Johan dan Naib Johan pada edisi sulung Liga Bola sepak IPT 2010 akan menyertai Liga FAM musim depan, di samping membawa pulang, masing-masing wang tunai RM30,000 serta Piala Pusingan dan RM15,000.